

## **AMALAN SEDEKAH GUDANG PAHALA BEKALAN AKHIRAT**

Oleh: Nur Shahira Najwa binti Mohd Zainun, 1170984,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 21 Ogos 2020*



Sedekah merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Amalan bersedekah juga berkait rapat dengan iman seseorang Muslim. Setiap sedekah yang diterima di sisi Allah SWT akan dibalas dengan ganjaran berlipat ganda di dunia dan akhirat.

Sedekah juga merupakan perbuatan yang sangat disukai Allah SWT selain menjadi amalan baik yang memberi ganjaran pahala kepada sesiapa yang melakukannya.

Itu janji Allah SWT dalam al-Quran yang menyatakan bahawa sesiapa yang bersedekah di jalannya, pasti akan diganti semula dengan ganjaran antara 10 hingga 700 kali ganda.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Perumpamaan orang-orang yang mendermakan (sedekah) harta bendanya di jalan Allah, seperti (orang yang menanam) sebutir biji yang menumbuhkan tujuh untai dan tiap-tiap untai terdapat seratus biji dan Allah melipat gandakan

(balasan) kepada orang yang dikehendaki dan Allah Maha Luas (anugerah-Nya) lagi Maha Mengetahui.” (Al-Baqarah, ayat 261)

Janganlah takut untuk bersedekah dan menganggap bahawa sedekah itu akan menyebabkan kita jatuh miskin.

Dalam hadis riwayat Muslim, Rasulullah SAW pernah bersabda, “Tidaklah sedekah itu akan mengurangkan harta seseorang.”

Lupakah kita pada kisah Maryam a.s. yang diberi rezeki di mihrab masjid setiap pagi dan petang. Ketika dikatakan kepadanya, “Wahai Maryam, dari mana engkau mendapatkan makanan ini?” Maryam menjawab: “Dari Allah. Sesungguhnya Allah memberi rezeki kepada orang yang dikehendakinya tanpa perhitungannya.”

Saya teringat kata-kata Almarhum Tuan Guru Ustaz Ismail Kamus. Beliau berkata, “Sebenarnya duit yang kita sedekah itulah bahagian kita punya, yang simpan dalam poket tu belum tahu lagi, boleh jadi pomen punya, boleh jadi klinik punya, yang semestinya waris punya. Kita punya yang mana? Yang sedekah itulah yang kita punya.”

Kata-kata Almarhum Tuan Guru tersebut menghambarkan kepada kita bahawa setiap apa yang kita sedekahkan itulah yang akan menjadi milik kita di akhirat nanti.



Dalam kamus al-Fiqhi, sedekah jariah juga ditakrifkan sebagai wakaf berdasarkan beberapa hadis Nabi SAW.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

Maksudnya: “Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang mendoakan baginya.”

Maka jelaslah di sini, setiap perkara yang kita sedekahkan kepada kebaikan, pahalanya akan menjadi seperti air yang terus mengalir walaupun jasad kita sudah tiada lagi didunia ini.

Jika ingin ceritakan kebaikan sedekah sudah tentu tidak akan habis. Malah, dalam satu hadis riwayat Abu Hurairah r.a. dinyatakan bagi seorang Muslim yang mantap amalan sedekahnya akan mendapat sanjungan di bumi serta didoakan para malaikat.

Ibnu Qayyim al-Jauziyyah mengatakan: “Sesungguhnya sedekah boleh memberikan pengaruh yang menakjubkan iaitu untuk menolak berbagai macam bencana sekalipun pelakunya orang yang fajir (pendosa), zalim atau bahkan orang kafir, kerana Allah SWT akan menghilangkan berbagai macam bencana dengan perantara sedekah tersebut.”

Dalam al-Quran ada disebutkan tentang manusia yang sudah meninggal dunia berharap agar mereka bersedekah sebanyak-banyaknya semasa masih hidup.

Maka, bersedekahlah dan infakkanlah harta kita pada jalan Allah SWT kerana dengan amalan itu akan menjadi saham akhirat dan gudang pahala buat kita.

